

PDB perluas Kempen Beli Barangan Malaysia

AMPANG - Petronas Dagangan Berhad (PDB) menyahuti seruan kerajaan dengan memperluaskan Kempen Beli Barangan Malaysia di lebih 700 Kedai Mesra Petronas seluruh negara.

Melalui kempen itu, PDB bersama beberapa pihak seperti usahawan dan kementerian mempromosikan makanan dan minuman tempatan di Kedai Mesra termasuk ke-repek, kek, jus dan sajian ruij seperti nasi lemak dan mi goreng.

Ketua Pegawai Eksekutif Petronas Dagangan Berhad (PDB), Datuk Seri Syed Zainal Abidin Syed M Tahir berkata, sebagai sebuah syarikat minyak nasional, pihaknya sentiasa menyokong usaha mempromosikan perniagaan tempatan dan memperkukuhkan ekonomi domestik.

"Di bawah program PKS (Perusahaan Kecil dan Seder-

hana), kami membantu usahawan tempatan dan memperkukuhkan ekonomi domestik.

"Kami juga membantu usahawan tempatan untuk membusi pasaran yang lebih luas melalui rangkaian stesen kami di seluruh negara, malah beberapa usahawan telah mempunyai kehadiran pasaran di lebih 400 Kedai Mesra kami," katanya selepas Majlis Pelancaran Kempen Beli Barangan Buatan Malaysia bertempat di Stesen Minyak Petronas Jalan Lama di Ampang kelmarin.

Katanya, PDB ada lebih daripada 350 usahawan tempatan yang membekalkan produk mereka di seluruh Kedai Mesra di seluruh Malaysia.

"Melalui sambutan menggalakkan terhadap Kempen Beli Barangan Malaysia serta penglibatan lebih banyak lagi syarikat dalam kempen ini, kami yakin akan dapat menggabungkan usaha kami untuk memacu pertum-



Saifuddin mencuba beberapa produk tempatan pada Majlis Pelancaran Kempen Beli Barangan Buatan Malaysia bertempat di Stesen Minyak Petronas Jalan Kolar Air Lama di Ampang kelmarin.

buhan perniagaan tempatan," katanya.

Program tersebut dirasmikan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna,

Datuk Seri Saifuddin Nasution.

Beliau berkata, pihaknya amat berbesar hati kerana mendapat sokongan daripada Petronas membantu usahawan PKS

tempatan di samping meningkatkan kesedaran tentang pelaksanaan kempen itu.

"Kerajaan berharap kempen ini menggalakkan lagi pertumbuhan ekonomi domestik melalui peningkatan pembelian barangan buatan tempatan sekali gus selaras dengan program PKS yang dibangunkan lebih 25 tahun lalu menyokong perniagaan usahawan tempatan," katanya.

Dalam program sama, Petronas Dagangan Berhad memamerkan enam usahawan tempatan di bawah program PKS PDB iaitu kerepek tempatan daripada Akuku Food Industry (M) Sdn Bhd, Perniagaan Hadeen Enterprise, FG Walet Bird's Nest keluaran Zhafou Trading Sdn Bhd, Chocolate Moist Cake oleh Anis Food Sdn Bhd, sos unik Mama G Marketing Sdn Bhd dan ais-krim buah-buahan segar Doluvo Sdn Bhd.